

Mangsa cerita detik cemas rumah dilanda banjir



RUMAH milik sepasang warga emas musnah akibat banjir di Kuala Dipang, Kampar, Perak, baru-baru ini.

KAMPAR 19 April - Bagai mati hidup semula.

Begitulah perasaan sepasang suami isteri warga emas, Osman Ibrahim, 90, dan Azmah Embok, 80, selepas terselamat dalam kejadian banjir besar yang melanda Kampar minggu lalu, walaupun mereka kini tinggal sehelai sepinggang.

Dalam kejadian banjir terburuk sejak 33 tahun itu, rumah mereka di Kampung Baru, Kuala Dipang di sini, rosak teruk apabila sebahagian dinding dihanyutkan arus deras.

"Sebelum ini, hanya banjir biasa paras buku lali dan kami suami isteri sudah biasa dengan keadaan itu. Saya tidak sangka hujan berjam-jam baru-baru ini memusnahkan segalanya yang kami bina sejak berpindah ke sini berpuluh tahun lalu.

"Sebaik sahaja kami lari menyelamatkan diri, dalam sekelip mata rumah kami runtuh dan terbelah dua akibat dilanda air deras," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini, baru-baru ini.

Menurut Azmah, walaupun hilang segala harta benda, mereka

bersyukur kerana Allah masih memberikan mereka peluang untuk hidup.

"Akibat kejadian itu, suami saya kini menjadi pendiam, mungkin kerana trauma selepas apa yang berlaku," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR), Datuk Zainal Abidin Omar berkata, pihaknya akan membantu membaik pulih dan membina semula rumah penduduk di situ yang musnah dilanda banjir.

"Keadaan tanah yang masih basah menyukarkan kerja membaik pulih mahupun pembinaan baru. Oleh itu, kita akan mengambil masa sehingga air surut sepenuhnya sebelum kerja dapat dijalankan.

"Proses baik pulih itu akan hanya dimulakan sekurang-kurangnya dalam tempoh sebulan sehingga tiga bulan," katanya ketika ditemui semasa melawat tempat kejadian di sini.

Menurut beliau, lebih 20 petugas YBUDR telah membantu mangsa dan menyalurkan bantuan kotak makanan kepada mangsa pada hari kejadian.